



PROMOSI UBATAN TENTUKAN PILIHAN PENGUNA

- BARANGAN ELEKTRIK BERBAHAYA ■
- AGENSI KAUNSELING DAN PENGURUSAN KREDIT ■
- PERJANJIAN PERDAGANGAN BEBAS ■
- KOMPUTER BARU DIBELI TIDAK BERKUALITI ■
- PERJANJIAN PERDAGANGAN BEBAS ■
- MELATIH KANAK-KANAK MENGURUSKAN WANG ■
- BADAN RADIKAL YANG TERDAPAT DALAM BADAN ■



BULETIN PENGGUNA

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

Y. Bhg. En. Mohd Zain Mohd Dom
*Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Hal Ehwal Pengguna*

KETUA SIDANG PENGARANG

Ismail bin Jantan

TIMBALAN

KETUA SIDANG PENGARANG

Mohd Yusof bin Abdul Rahman

SIDANG PENGARANG

Masri bin Misran
Azendi bin Mohd Zawawi
Nazleen bte Mohd Emran
Indrani Thuraisingham
Siti Rahayu bte Zakaria

DICETAK OLEH

Syarikat Asas Jaya

Buletin Pengguna merupakan penerbitan
ushasama di antara Kementerian Perdagangan
Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan
FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan.
Sumbangan artikel amat dialu-alukan.
Sila hantarkan sumbangan kepada:

EDITOR

Buletin Pengguna
No. 1D-1, Bangunan SKPPK
Jalan SS9A/17
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

Bahagian Hal Ehwal Pengguna
Kementerian Perdagangan Dalam
Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
Aras 4, Lot 2G3, Presint 2
Pusat Pentadbiran
Kerajaan Persekutuan
62623 Putrajaya

EMEL

buletinpengguna@hotmail.com

LAMAN WEB KPDN & HEP

www.kpdnhep.gov.my

LAMAN WEB FOMCA

www.fomca.org.my

E-ADUAN

<http://e-aduan.kpdnhep.gov.my>

SMS E-ADUAN

32255

HOTLINE KEMENTERIAN

1-800-886-800

Artikel yang disiarkan dalam Buletin Pengguna
ini tidak semestinya mencerminkan pendirian
dan dasar Kementerian Perdagangan Dalam
Negeri dan Hal Ehwal Pengguna atau FOMCA.
Ia merupakan pendapat penulis sendiri.

MINDA EDITOR

Masyarakat pengguna mengeluh. Kos hidup mereka kian meningkat. Harga barangan semakin naik, begitu juga bayaran utiliti dan kemudahan awam saban tahun meningkat. Tahun lalu, harga bahan berasaskan petroleum naik 30 sen. Awal tahun ini lima konsesi tol menaikkan kadar tol mereka. Mereka yang menaiki kenderaan sendiri mengeluh kenaikan harga minyak dan kadar tol.


Nampaknya, terpaksa mereka mengurangkan perbelanjaan yang lain, jika ingin terus menggunakan kenderaan sendiri. Sebelum ini setiap bulan bertukar baju baru, kini tidak lagi. Mungkin dua tiga bulan atau setahun sekali baru ditukar. Ada yang apabila bila musim perayaan barulah beli pakaian baru.

Belanja dapur juga dikurangkan. Tetapi belanja makan di luar tidak berubah kerana hampir setiap hari bekerja terpaksa makan di luar. Hanya hari minggu sahaja barulah makan di rumah. Nampaknya tidak boleh juga dikurangkan belanja makan, kerana harga makanan yang dibeli di luar juga kian meningkat.

Memang tidak dinafikan, setiap tahun ada pertambahan pendapatan. Dahulu ketika pendapatan kecil, cukup untuk menampung perbelanjaan. Tapi kini apabila pendapatan meningkat, masih tak mencukupi. Memanglah tidak mencukupi, dahulu tidak ada telefon bimbit, astro dan sebagainya. Jumlah pemilik telefon bimbit pada masa ini lebih kurang 21 juta. Manakala pelanggan Astro lebih kurang 1.9 juta. Dalam pada itu pemegang kad kredit pula lebih kurang 8 juta. Pada tahun 2005, sebanyak RM40.2 juta perbelanjaan menggunakan kad kredit. Dalam tempoh yang sama, sebanyak RM743.7 juta merupakan jumlah hutang kad kredit yang gagal dilunaskan.

Ramai di antara pemegang kad kredit yang membayar kad kredit mereka mengikut jumlah minimum yang dikenakan. Cuba bayangkan berapa banyak faedah yang mereka perlu bayar sehingga semua bayaran kad kredit mereka selesai dibayar.


SENDA PENGUNA



**Janganlah marah! Kawan saya kata yang ini
sistem sekuriti yang paling canggih!**

KEPENGUNAAN DALAM 50 TAHUN MERDEKA

Perkhidmatan Bekalan Tenaga Elektrik



Rekod terawal penjana tenaga di Malaysia boleh dijejak balik ke Rawang, sebuah bandar perlombongan kecil di Selangor. Dua pedagang, Loke Yew dan Thamboosamy Pillai, telah memasang sebuah penjanakuasa elektrik pada tahun 1894 untuk menjalankan operasi perlombongan mereka. Kebanyakan operasi perlombongan telah mula mengeksploitasikan potensi kuasa elektrik. Stesen tenaga pertama di Malaysia, Sempam Hydroelectric Power Station in Raub, yang dibina oleh Raub Australian Gold Mining Company pada tahun 1900.

Pada awal 80-an, Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, telah menyatakan bahawa kerajaan akan mula melaksanakan dasar penswastaan. Lembaga Elektrik Negara (LLN) merupakan salah satu entiti yang dikenalpasti untuk penswastaan. Pelbagai pihak telah menyuarakan kebimbangan mereka menerusi badan-badan Kesatuan dan pelbagai protes telah dijalankan.

Bantahan tersebut menjerus kepada tiga isu utama:

- 1) Keuntungan akan diutamakan daripada kebajikan awam.
- 2) Lembaga boleh dipindahkan kepada pemilikan asing menerusi pembelian saham di pasaran terbuka, dan
- 3) LLN mempunyai prestasi yang baik dan mengaut keuntungan. Oleh itu, tidak sepatutnya menjadi sasaran penswastaan. Namun demikian, meskipun dengan bantahan pelbagai pihak, rancangan untuk penswastaan LLN tetap diteruskan. Pelbagai isu dan masalah teknikal telah ditangani dan akhirnya, dua Akta baru telah diwujudkan untuk penubuhan entiti swasta baru (Tenaga Nasional Berhad) dan menggantikan Akta Elektrik yang lama.

Masakini, TNB merupakan pembekal elektrik utama di Malaysia. TNB memiliki hampir 60% aset penjana di semenanjung Malaysia dan hampir 50% penjana di seluruh Malaysia menerusi badan-badan subsidiari dan memegang monopoli transmisi dan pengagihan elektrik di semenanjung Malaysia. TNB mempunyai aset bernilai lebih RM65 billion dan tapak pelanggan seramai 6.8 juta di semenanjung Malaysia dan Sabah. Di Sabah dan Sarawak, dua syarikat utiliti yang lebih kecil membekalkan elektrik kepada kedua-dua negeri tersebut. Sabah Electricity Sdn.Bhd. (SESB), sebuah subsidiari TNB merupakan pembekal tunggal di Sabah manakala negeri Sarawak pula

dibekalkan oleh Sarawak Electricity Supply Corp (SESCO) yang dimiliki penuh oleh kerajaan negeri. Sektor penjanakuasa bebas (IPP) memiliki kira-kira 40% daripada kapasiti penjana negara.

Isu pengguna berbangkit

Kenaikan tarif elektrik sebanyak 12% oleh TNB pada Jun 2006 telah menimbulkan kebimbangan dan kerisauan di kalangan pengguna tentang kenaikan kos taraf hidup. Walaupun mereka yang menggunakan kurang daripada 200kWh tidak akan terjejas secara langsung oleh kenaikan itu, namun kesan sampingan inflasi datang daripada sekitar industri dan swasta yang mengenakan kos tambahan mereka kepada pengguna. Ramai masih mempertikaikan bahawa justifikasi untuk kenaikan tarif adalah semata-mata untuk menanggung kerugian dan kemerosotan prestasi TNB. Ramai, terutamanya badan-badan sivil masyarakat menekankan bahawa masalah dan isu-isu dalam yang membelenggu TNB seperti perbalahan dengan penjanakuasa bebas dan pengurusan yang lemah tidak sepatutnya menjadi tanggungan rakyat.

Antara masalah-masalah yang sering dihadapi pengguna

- Pada masa ini kerja-kerja pembekalan, kaliberasi dan pemeriksaan meter dilakukan oleh pembekal elektrik atau anak syarikatnya, yang mana telah menimbulkan persoalan dari segi konflik kepentingan dan ketelusan. Sewajarnya kerja-kerja ini dilaksanakan oleh sebuah badan bebas yang menjalankan perkhidmatan kaliberasi yang disahkan oleh Suruhanjaya Tenaga atau Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi (KTAK), sebagaimana kaliberasi alat timbangan menurut Akta Timbang dan Sukat di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.
- Kerja-kerja pemasangan meter elektrik tidak diselia dan diperiksa bagi memastikan ia dipasang secara yang betul. Bacaan sebenar meter jarang sekali diaudit, khususnya bagi pengguna baru dan kalangan pengguna besar tenaga elektrik. Ini menyebabkan masalah kerugian bukan teknikal dan pengebilan yang terkurang


Barangan Elektrik Berbahaya

Akhbar-akhbar tempatan akhir-akhir ini melaporkan bahawa kebanyakan kebakaran di rumah disebabkan penggunaan peralatan elektrik yang tidak selamat, terutamanya televisyen.

Mengikut Peraturan Elektrik 1994, 31 jenis peralatan elektrik rumah harus mematuhi standard Malaysia (MS) yang berkaitan. Semua peralatan elektrik rumah harus mempunyai label MS yang sesuai. Contoh-contoh label adalah seperti berikut:

- **WA 1234567** – *Wiring Accessories* – Aksesori kabel
- **AV 1234567** – *Audio Video* – Audio dan Video
- **HS 1234567** – *Household Appliances* – Peralatan Rumah
- **LT 1234567** – *Luminaires* – Lampu (Penyinaran)

Suruhanjaya Tenaga (ST) bertanggungjawab dalam menguatkuasakan standard-standard ini dan SIRIM Berhad telah ditugaskan untuk menjalankan ujian terhadap perkakas/ peralatan elektrik yang tersenarai dalam Peraturan Elektrik 1994.



Isu-isu dan Cabaran kepada Pengguna

Tetapi beberapa aspek penguatkuasaan dan pendidikan pengguna yang tidak berkesan telah menyebabkan lambakan peralatan elektrik rumah yang tidak mematuhi standard keselamatan seperti dalam Peraturan di atas di pasaran di Malaysia. Peralatan yang tidak mematuhi standard tersebut boleh didapati pada harga yang lebih murah daripada peralatan elektrik yang mematuhi standard.

Pengguna harus mementingkan keselamatan mereka dan melaksanakan hak mereka untuk mendapatkan produk yang selamat. Tindakan begini akan memastikan supaya hanya produk yang mematuhi standard keselamatan dijual di pasaran. Tindakan sedemikian oleh pengguna harus dipraktikkan bagi semua jenis produk pengguna terutamanya makanan, perubatan, peralatan elektrik,

kenderaan, peralatan keselamatan seperti topi keledar, perkhidmatan restoran, keselamatan tempat kerja dan sebagainya.

Seksyen 19 Akta Perlindungan 1999 tentang piawaian keselamatan memberikan kuasa kepada Menteri untuk menjadikan sebarang standard keselamatan mandatori. Kuasa akta ini harus dilaksanakan untuk sebarang produk yang harus mempunyai ciri-ciri keselamatan untuk perlindungan pengguna dan juga alam sekitar.

Peralatan-peralatan elektrik dan elektronik yang tidak mematuhi standard dan tidak tahan lama akan menyumbang kepada beban sisa merbahaya. Ini adalah kerana peralatan elektrik dan elektronik mengandungi bahan-bahan merbahaya atau toksik seperti, logam berat cadmium, merkuri, plumbum, sebatian kromium, *polychlorinated biphenyl* (PCB) dan *polybrominated biphenyl* (PBB).

Pembuangan sisa peralatan elektrik dan elektronik (EE) akan menyebabkan bahan-bahan merbahaya di atas mencemari tanah dan sumber-sumber air. Oleh kerana inilah negara-negara kesatuan Eropah telah mengenakan sekatan ke atas peralatan EE yang tidak mematuhi standard mandatori bagi kandungan bahan-bahan merbahaya di atas. Label bagi mendidik pengguna supaya tidak membuang sisa EE ke aliran sampah biasa adalah seperti berikut.

Pengeluar dan pengeksport peralatan EE ke Eropah terpaksa mematuhi standard tersebut dan juga membantu di dalam menguruskan sisa-sisa EE selepas peralatan-peralatan mereka tamat hayat penggunaan dan terpaksa dilupuskan.



Polisi kerajaan sedemikian dan pendidikan pengguna serta pengguna-pengguna yang bertanggungjawab akan menjayakan usaha meningkatkan tahap kualiti hidup rakyat dan keselamatan alam sekitar di Malaysia.

Sumbangan: Persatuan Pengguna Standard Malaysia

Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit - Saluran Kaunseling dan Pengurusan Kewangan Secara Berhemat



Adakah anda atau sesiapa yang anda kenal sedang mengalami situasi seperti yang di bawah ini?

Senario 1

Anda telah berbelanja besar dengan menggunakan lima kad kredit sehingga tidak mampu membayar balik hutang kad kredit anda melainkan dengan jumlah ansuran bulanan minimum hutang itu. Caj kewangan (faedah) yang dikenakan atas baki hutang kad kredit yang belum dibayar bertambah dari bulan ke bulan menjadikan jumlah hutang kad kredit anda meningkat. Beban kewangan ini semakin merisaukan anda dan kini di luar kawalan anda sehingga telah menjejaskan keharmonian hidup anda.

Senario 2

Anda dan pasangan anda akan berkahwin dalam masa yang terdekat ini. Selepas berkahwin anda bercadang untuk memiliki sebuah rumah dan sebuah kereta idaman. Tetapi apabila memikirkan beban kewangan yang akan ditanggung atas pembelian ini, anda berasa khuatir untuk meneruskan hasrat murni anda. Pelbagai persoalan bermain dalam fikiran anda sama ada anda mampu atau tidak menguruskan kewangan dengan baik jika anda meneruskan hasrat tersebut.

Dua senario di atas merupakan antara contoh masalah mengenai pengurusan kredit yang dikendalikan oleh Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK).

AKPK ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) bagi menyediakan saluran kaunseling dan pengurusan kredit kepada peminjam dan bakal peminjam individu bagi mendapatkan khidmat nasihat tentang pengurusan kredit yang baik.

Skop

Antara perkhidmatan yang disediakan oleh AKPK adalah seperti yang berikut:

- **Nasihat dan Khidmat Kaunseling Mengenai Pengurusan Kewangan**

Menyediakan khidmat nasihat pengurusan kewangan yang merangkumi bajet kewangan, pengurusan wang dan isu-isu kredit termasuk menganalisis kedudukan kewangan serta mengenal pasti pilihan terbaik untuk menguruskan perbelanjaan anda.

- **Pendidikan Kewangan**

Program pendidikan kewangan kepada pengguna, terutamanya mengenai penggunaan kredit dengan cara yang betul dan kemahiran asas pengurusan wang serta tip untuk menggunakan kredit secara bertanggungjawab.

- **Program Pengurusan Kredit**

Membantu menyediakan pelan pembayaran balik pinjaman melalui rundingan dengan penyedia perkhidmatan kewangan anda. Pelan tersebut akan membantu anda membayar balik pinjaman dan mengawal semula pengurusan kewangan anda.

Syarat dan Kelayakan untuk Menyertai Program Pengurusan Kredit

1. Mestilah mempunyai pinjaman / pembiayaan seperti: pinjaman perumahan, sewa beli, kad kredit, kad caj atau pinjaman persendirian yang diperolehi dari mana-mana institusi kewangan yang dikawal selia oleh BNM.
2. Mestilah mempunyai sumber pendapatan bersih bulanan yang stabil.
3. Belum diisytiharkan bankrap.

Semua perkhidmatan yang disediakan adalah percuma.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :-

1. Pejabat AKPK, Aras 8, Maju Junction Mall, Kuala Lumpur.
 2. Pejabat cawangan AKPK di bangunan Bank Negara Malaysia Pulau Pinang, Kuala Terengganu, Johor Bahru, Kota Kinabalu dan Kuching.
 3. Cawangan institusi kewangan di semua negeri.
- Talian Am : 03-2698 8575
Talian Faks : 03-2698 1575
E-mel : enquiry@akpk.org.my
Laman Web : <http://www.akpk.org.my>
Talian Bebas Tol : 1800 88 2575

Sila nantikan artikel yang akan mengetengahkan isu berkaitan pengambilan deposit secara haram dalam keluaran akan datang.

Hari Hak-Hak Pengguna Sedunia 2007

Promosi Ubatan Tidak Beretika

Pada 15 Mac setiap tahun, pertubuhan pengguna sedunia dunia menyambut Hari Hak-Hak Pengguna Sedunia. Seperti juga tahun-tahun sebelumnya, Consumer International (CI), sebagai persatuan antarabangsa yang dianggotai oleh lebih 250 buah persatuan pengguna dari 115 buah negara, menetapkan tema tertentu. Bagi tahun 2007, tema yang dipilih ialah Promosi Ubat-Ubatan Yang Tidak Beretika. Berikutan itu juga CI melancarkan kempen berkaitan promosi ubatan yang tidak beretika yang berlangsung selama dua tahun.

Apakah yang dimaksudkan dengan Promosi Ubat-Ubatan?

Sebahagian besar pengguna tidak menyedari bahawa pilihan ubat-ubatan yang diambil dipengaruhi oleh promosi yang telah dilakukan oleh syarikat pengeluar ubat-ubatan. Promosi ubat-ubatan dilakukan dengan pelbagai bentuk. Umpamanya, promosi secara terbuka biasanya dilakukan melalui pengiklanan di majalah, pemberian produk sampel secara percuma dan mengunjungi klinik-klinik perubatan oleh wakil jualan untuk menguji produk ubat-ubatan yang baru dikeluarkan.

Walau bagaimanapun, pada masa ini, promosi ubat-ubatan dilakukan secara tidak langsung, seolah-olah promosi tersebut tidak ada kaitannya dengan ubat-ubatan tertentu. Membiayai kempen kesedaran sesuatu penyakit dan menulis artikel di dalam jurnal-jurnal perubatan merupakan kaedah terkini yang digunakan oleh syarikat farmaseutikal utama dalam memasarkan produk ubat-ubatan mereka.

Kaedah Promosi Ubat-Ubatan

Dalam usaha promosi ini, syarikat pengeluaran farmaseutikal menggunakan pendekatan seolah-olah ia dilakukan secara sah mengikut undang-undang dan tidak berpihak. Ini menyebabkan pengguna terkeliru dan mendapat maklumat yang salah terhadap ubat-ubatan yang mereka beli.

Promosi yang disasarkan kepada doktor

- Pengiklanan bercetak
- Brosur produk
- Menulis artikel dalam jurnal yang mereka biayai dan langgani.
- Kunjungan oleh wakil jualan.



- Pandangan pakar dalam sesuatu bidang
- Produk sampel
 - Membiayai persidangan
 - Pendidikan perubatan secara berterusan
 - Hadiah dan sumbangan
 - Internet dan laman web produk

Promosi melalui anggota sosial yang lain

- Melobi menggunakan saluran politik
- Membiayai aktiviti pelajar perubatan dan farmasi
- Membiayai kumpulan pesakit

Promosi yang disasarkan kepada pengguna

- Pengiklanan
- Sampel produk
- Pemeriksaan kesihatan secara percuma
- Pamflet yang diedarkan di farmasi dan klinik
- Kempen kesedaran penyakit
- Laman web tentang ubat-ubatan.

Mengapa kaedah pemasaran ini tidak beretika

Pengeluar ubat-ubatan sama seperti syarikat perniagaan yang lain, iaitu mereka juga mementingkan keuntungan. Oleh itu, bagi meningkatkan jualan produk, maka mereka cuba untuk meningkatkan permintaan pengguna terhadap produk tersebut.

Dalam usaha itu, mereka berkecenderungan untuk menggunakan pelbagai kaedah promosi ubat-ubatan yang tidak beretika. Antara kaedah yang tidak beretika ini ialah:

- Mempromosi ubat-ubatan yang mengelirukan serta membuat dakwaan yang mengelirukan.
- Melindungi sebarang risiko dan kesan sampingan ubat-ubatan mereka dengan sengaja
- Memberikan insentif kewangan kepada doktor yang memberikan preksripsi ubat-ubat mereka kepada pengguna
- Menggunakan kempen kesedaran penyakit untuk mempromosi ubat-ubat mereka.

Kaedah-kaedah yang digunakan ini menyebabkan pengguna menggunakan sesuatu ubat-ubatan secara tidak rasional. Keadaan ini mempunyai potensi untuk mendedahkan pengguna terhadap risiko kesihatan yang membahayakan.

Kawal selia promosi ubat-ubatan

Pada masa ini, tidak terdapat maklumat yang jelas tentang pihak yang bertanggungjawab dalam memastikan sesuatu promosi ubat-ubatan itu dijalankan secara beretika. Seringkali jawapan kepada persoalan ini lebih menjurus kepada penguasaan oleh syarikat ubat-ubatan sendiri.

Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) mempunyai penanda aras dalam menentukan tentang promosi ubat-ubatan yang tidak beretika. Walau bagaimanapun, kriteria ini sudahnya sesuatu yang wajib dilaksanakan dan tidak mempunyai sebarang obligasi undang-undang. Pihak berkuasa kesihatan sesebuah negara perlu menggubal peraturannya sendiri untuk mengawal selia aktiviti berkaitan promosi ubat-ubatan. Biarpun begitu, ketegasan peraturan-peraturan tersebut berbeza bagi sesebuah negara dan rantau tertentu.

Di Eropah umpamanya, kebanyakan negara di benua ini, menyokong kawalan sendiri bagi sektor industri, dan kerajaan mereka tidak begitu aktif dalam memantau salahlaku korporat. Manakala di negara rantau Asia, Amerika Latin dan Afrika, masalah rasuah dan tadbir urus yang lemah, turut membantutkan usaha memantau aktiviti promosi ubat-ubatan.

Rentetan daripada itu, kawalan sendiri industri menjadi pemantau kepada promosi ubat-ubatan yang tidak beretika. Dalam usaha itu, mereka mewujudkan beberapa kod industri yang perlu dilaksanakan oleh industri secara sukarela untuk mengawal selia aktiviti promosi ubat-ubatan. Kod-kod ini mempunyai perbezaan kandungan yang ketara. Dan seringkali pula ia gagal dikuatkuasakan.

Dengan pengecualian kepada Amerika Syarikat dan New Zealand, kebanyakan negara telah mengharamkan pengiklanan berkaitan preskripsi ubat-ubatan secara terus kepada pengguna. Walau bagaimanapun, dengan menaja kumpulan pendesak pesakit tertentu, membiayai kempen kesedaran penyakit, mewujudkan laman web dan menawarkan khidmat hospitaliti kepada pakar kesihatan, syarikat pengeluar ubat-ubatan telah menemui kaedah terbaru dan lebih berkesan bagi mempengaruhi pendapat pengguna.

Promosi Ubat-Ubatan Menjejaskan kesihatan

Syarikat pengeluar ubat-ubatan sering kali mengatakan bahawa mereka memberikan maklumat yang amat berharga dan membangkitkan kesedaran tentang masalah kesihatan. Namun hakikatnya, kaedah promosi ubat-ubatan yang tidak beretika turut menyumbang implikasi yang serius terhadap kesihatan dan keselamatan pengguna. Umpamanya, pengeluar ubat-ubatan Merck menyembunyikan maklumat tentang penyakit kardiovaskular akibat penggunaan ubat Vioxx, walaupun telah mengetahui kesan buruk ubat ini empat tahun sebelum ia ditarik daripada pasaran pada tahun 2004, termasuk di Malaysia. Syarikat ini membelanjakan sebanyak AS\$160 juta setahun untuk memasarkan ubat ini. Di Amerika Syarikat sahaja, Vioxx telah menyebabkan berlakunya 88,000 hingga 140,000 kes penyakit jantung.

Kes yang berlaku terhadap Vioxx, menyebabkan

persatuan pengguna begitu prihatin terhadap promosi ubat-ubatan tidak beretika:

- Ia melanggar hak asas pengguna untuk mendapatkan maklumat terhadap ubat-ubatan yang mereka gunakan.
- Ia mempromosi penggunaan ubat yang tidak rasional dalam kalangan pengguna, yang seterusnya boleh membahayakan nyawa mereka.



Tindakan yang perlu diambil

Keseluruhan kempen secara global ini adalah untuk mengurangkan risiko terhadap kesihatan dan keselamatan pengguna akibat promosi ubat-ubatan yang tidak beretika ini.

Kempen CI tentang Promosi Ubat-Ubatan tidak beretika ini melakar beberapa tindakan progresif, iaitu:

- Industri perlu dipertanggungjawabkan untuk mematuhi kod sejagat dalam promosi ubat-ubatan yang beretika.
- Kerajaan perlu menguatkuasakan peraturan bagi promosi ubat-ubatan bagi memastikan hak pengguna untuk mendapatkan keselamatan dan maklumat.
- Memastikan hak pengguna untuk menikmati ubat-ubatan yang boleh dipercayai serta mendapat maklumat tentang ubat-ubatan dan kesihatan secara yang telus.

CI berhasrat agar promosi ubat-ubatan yang tidak beretika ini ditukarkan dengan maklumat ubat-ubatan yang jelas, boleh dipercayai dan maklumat yang telus. Ini adalah kerana kesihatan pengguna perlulah mengatasi keuntungan korporat. Oleh itu syarikat pengeluar perlu memaklumkan tentang pembiayaan kempen kesedaran penyakit, mendedahkan sepenuhnya data ujian klinikal, dan menghentikan amalan pemberian hadiah kepada doktor. Semua bentuk peraturan, sama ada di peringkat sejagat, serantau mahupun negara, hendaklah meliputi semua perkara berkaitan promosi ubat-ubatan, termasuk di laman web dan kempen kesedaran penyakit. Maklumat tentang ubat-ubatan tidak sewajarnya hanya disediakan oleh syarikat pengeluar ubat-ubatan, tetapi juga oleh pihak ketiga yang bebas dan boleh dipertanggungjawabkan.

Komputer Baru Dibeli Tidak Berkualiti



Seorang pengguna telah mengadu kepada NCCC tentang masalah yang beliau hadapi apabila membeli komputer. Pengadu telah membeli 4 buah komputer daripada sebuah syarikat pengedar komputer. Malangnya, selepas 2 hingga 4 bulan dari tarikh penerimaan, komputer-komputer tersebut didapati mengalami kerosakan.

Antara kerosakan-kerosakan yang dialami ialah monitor dan tetikus tidak berfungsi, tanda pada papan kekunci menjadi kabur dan terdapat masalah pada perisian microsoft office. Pengguna tersebut telah memaklumkan hal berkenaan kepada syarikat tersebut melalui surat, namun tiada tindakan yang diambil oleh pihak syarikat berkenaan. Kecewa dengan sikap syarikat tersebut, beliau telah meminta bantuan NCCC.

dari muka 3 ...

atau terlebih, sama ada yang merugikan pengguna atau pembekal utiliti sendiri.

- Amalan menggunakan faktor pendaraban dalam pengiraan tenaga sebenar yang dibekalkan ketika membaca meter hendaklah dihentikan bagi mengelakkan kesilapan dalam pengebilan. Meter yang dipasang hendaklah daripada jenis yang sesuai dari segi bebanan elektrik, khususnya bebanan dengan faktor tenaga yang rendah. Syarikat bekalan elektrik perlu menjalankan pemeriksaan dan pengauditan terhadap meter yang dipasang dari semasa ke semasa, terutamanya terhadap pengguna yang banyak menggunakan tenaga elektrik bagi mengesan sebarang kerosakan di peringkat awal. Walaupun peraturan yang ada pada masa ini membenarkan ketidaktepatan meter sehingga tiga peratus, namun begitu syarikat perlu memeriksa, menguji, menentuukur dan menggantikan meter sekiranya rosak secara berkala.
- Para pengguna masih mengadu tentang kekerapan gangguan bekalan elektrik, juruteknik pembekal elektrik yang agak lambat bertindak mengatasi masalah yang dialami serta sikap tidak mesra pengguna di kalangan kakitangan bahagian khidmat



No. 1D, Bangunan SKPPK,
Jalan SS9A/17
47300 Petaling Jaya
Selangor
Tel : 03-7877 9000
Faks : 03-7874 8097
Emel : nccc@nccc.org.my
www.nccc.org.my

NCCC

ADIL ● PROFESIONAL ● BERKESAN

TINDAKAN NCCC

NCCC telah menulis surat rasmi kepada pemilik syarikat berkenaan dan mengemukakan aduan yang dibuat oleh pengguna tersebut. NCCC memberi tempoh 7 hari kepada pihak kedai untuk memberikan penjelasan tentang tindakan mereka itu. Sekiranya gagal berbuat demikian, NCCC akan menasihatkan pengguna untuk membawa masalah itu kepada Tribunal Tuntutan Pengguna untuk diselesaikan. Beberapa hari selepas itu, pihak syarikat tersebut telah bersetuju untuk menyelesaikan masalah tersebut dengan menghantar technician syarikat ke tempat pengguna untuk menyelesaikan dan membaiki komputer yang bermasalah itu.

NASIHAT NCCC

Pembeli seharusnya mengetahui bahawa setiap barang yang dibeli, terutamanya barangan elektrik mempunyai waranti. Selagi barangan tersebut masih di dalam tempoh waranti, mereka boleh mendapatkan perkhidmatan untuk membaiki barang tersebut ataupun diganti dengan barang baru.

pelanggan semasa mengendalikan aduan pengguna.

- Lampu jalan tidak berfungsi sepenuhnya di beberapa kawasan. Malahan timbul kekeliruan di antara peranan pembekal elektrik dan pihak berkuasa tempatan yang sepatutnya menyediakan dan menyelenggarakan kemudahan tersebut.
- Gangguan elektrik juga mengakibatkan gangguan serius terhadap pembekal utility yang lain seperti bekalan air. 30% daripada gangguan bekalan air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah akibat dari bekalan elektrik putus.

Secara keseluruhannya, walaupun kita menghargai janji dan jaminan syarikat-syarikat pembekal elektrik bahawa kualiti dan perkhidmatan akan ditingkatkan dari masa ke semasa, namun masih terdapat pelbagai isu yang masih membelenggu pengguna. Disebabkan bekalan elektrik merupakan keperluan asas hidup dan monopoli yang wujud dalam industri, pengguna hanya boleh bergantung kepada TNB dan berharap agar pihak industri akan melaksanakan tanggungjawab sosial dan nasionalnya untuk kepentingan dan kesejahteraan rakyat.

PERDAGANGAN

Perjanjian Perdagangan Bebas

Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA)

Perjanjian ini merupakan agenda globalisasi serantau - persiapan menghadapi globalisasi dunia. Perjanjian ini bertujuan untuk:

- Menggalak perdagangan serantau,
- Meningkatkan aliran gerak barangan dan kemasukan pelaburan di kawasan ini dengan lebih pesat
- Membuka pasaran yang lebih luas
- Menggalakkan penyaluran keperluan sumber import dan pengeluaran barangan eksport
- Mengurangkan kos transaksi perniagaan
- Ruang jalinan perindustrian.

AFTA menggalak peluang pelaburan negara ASEAN melalui perdagangan bebas dengan menghapuskan sekatan tarif serta bukan tarif di kalangan anggota-anggota ASEAN.

- Menurunkan duti import bagi barangan yang diperdagangkan di rantau ASEAN ke paras 0-5% & menghapus semua bentuk halangan bukan tarif.
- Memaksa (negara ASEAN) Malaysia bersaing dengan negara-negara pengeluar
- Menggunakan satu skim pengurangan tarif yang dipanggil *Common Effective Preferential Tariff* (CEPT) atau Tarif Keutamaan Efektif Am
- Skim yang menjadualkan tingkat-tingkat pengurangan tarif daripada 0 - 5% sehingga 2003 untuk enam negara asal ASEAN
- AFTA akan berkuatkuasa di Vietnam pada 2006, Laos dan Myanmar pada 2008 dan Kampuchea pada 2010.
- Senarai AFTA - 9,000 barangan dalam pengurangan tarif antara 0 hingga 5%.
- Skim CEPT meliputi barangan perkilangan, barangan pertanian yang diproses dan yang tidak diproses.

Perjanjian AFTA membahagikan barangan kepada:

- Senarai Pengecualian Sementara untuk semua barang kilang dan barangan pertanian yang diproses.
- Senarai Sensitif untuk barangan pertanian yang tidak diproses seperti tembakau, gula, buah-buahan, khinzir, ternakan ayam dan susu.
- Senarai Pengecualian Am iaitu barangan2 yang dikecualikan daripada pengurangan tarif untuk menjaga kepentingan sekuriti nasional, tumbuh-tumbuhan,



haiwan, manusia dan moral dan bahan artistik dan bernilai sejarah.

- Protokol Mengenai Tatacara Khas untuk Barangan Pertanian Belum Diproses, Barangan Sensitif dan Amat Sensitif diberi jangka masa yang lebih lama untuk dimasukkan ke dalam Skim CEPT.
- Barang-barang dalam Senarai Sensitif akan dimasukkan ke dalam Skim CEPT mulai tahun 2003 dan akan hanya mencapai duti tidak melebihi 5% pada tahun 2010.
- Malaysia telah meletakkan beras di dalam Senarai Amat Sensitif.
- Perdagangan beras hanya dimasukkan ke dalam Skim CEPT pd 1 Januari 2005 dan untuk pasaran terbuka hanya pada 1 Januari 2010.
- Tambahnya lagi, pada 2010, Malaysia masih lagi mempunyai hak melindungi pasaran beras tempatan melalui duti import sebanyak 20%.

Perdagangan Bebas Malaysia dan Amerika Syarikat (MUFTA)

Pada 10 Mei 2005, Dato' Seri Rafidah Aziz, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), bersama Robert Zoellick Wakil Perdagangan AS (USTR) telah menandatangani perjanjian rangkakerja pelaburan dan perdagangan (TIFA) di Washington, AS.

Perjanjian ini adalah memulakan perundingan perjanjian perdagangan bebas (FTA) antara Malaysia dan Amerika Syarikat.

Dengan pelaksanaan FTA Malaysia-AS, ia akan membuka pasaran Amerika masuk ke dalam pasaran Malaysia dalam bidang-bidang seperti berikut:

- Pelaburan
- Perlindungan Harta Intelek
- Pemindahan Teknologi
- Bioteknologi
- Promosi dan Perlindungan Pelaburan
- Perolehan Perkhidmatan
- Perkhidmatan
- Perubatan
- Pertanian

Sumber: www.wikipedia.com

Mengenal Pasti Keutamaan Apabila Membeli

Aktiviti ini dilakukan untuk mengenal pasti corak pemilihan para pelajar semasa membeli sesuatu produk atau barangan yang berada dipasaran.

Langkah-langkah:-

- a) Berikut adalah jadual dan apakah perkara yang menjadi keutamaan kepada pelajar apabila memberi sesuatu barangan.
- b) Sila letakkan skor 1=Sangat tidak penting 2= tidak penting 3=tidak pasti 4=penting dan 5=sangat penting dalam kotak berkenaan.
- c) Kumpulkan maklumat yang diperolehi daripada setiap pelajar dan kirakan jumlah peratusan tertinggi (apakah perkara yang menjadi keutamaan pelajar memilih barangan tersebut).
- d) Bincangkan secara berkumpulan dan minta pelajar terangkan mengenai beberapa perkara:-
 - i) Perkara keutamaan yang mendapat peratusan tertinggi
 - ii) Mengapa pelajar memilih perkara tersebut?
 - Faktor persekitaran
 - Pengaruh daripada rakan sebaya
 - Iklan di media elektronik atau media cetak,
 - Keputusan /pemilihan oleh ibu dan bapa
 - Tidak ambil peduli terhadap produk tersebut.
 - iii) Apakah perkara yang mendapat peratusan terendah. Mengapa terjadi sedemikian?
 - Tiada maklumat mengenai produk
 - Kurang pengetahuan
 - Tiada kesedaran
- e) Pelajar akan memperolehi keputusan pada 10 barangan tersebut dan dapat mengenalpasti perkara yang sering di beri keutamaan oleh pelajar terutama remaja semasa membuat pembelian terhadap sesuatu barangan.
- f) Sekiranya perlu lakarkan "carta" untuk menarik perhatian rakan sekelas semasa membuat pembentangan.

BARANGAN	Kualiti	Harga	Jenama	Trend	Keselamatan	Mesra alam
1. Jeans dan T-shirt						
2. Kasut dan beg						
3. Syampu, pencuci muka, minyak rambut						
4. Peralatan alat tulis						
5. Makanan ringan seperti Kit Kat, Cipmore dan sebagainya						
6. Alat elektronik seperti radio dan TV						
7. Barangan elektrik seperti Kipas, seterika, microwave dan peti sejuk						
8. Sabun pencuci baju						
9. Telefon bimbit						
10. Racun serangga seperti ubat nyamuk						

KEWANGAN

Melatih Kanak-kanak Menguruskan Wang

SATU kajian mengenai pengurusan wang oleh Majlis Pendidikan Tabungan Rakyat Amerika Syarikat dan Institut Penyelidikan Faedah Pekerja pada 2001 mendapati majoriti ibu bapa berasa yakin terhadap pemahaman mereka menguruskan wang.


Dalam pada itu, kajian berkenaan turut membongkarkan sikap dan tindakan negatif ibu bapa dengan 55 peratus daripada mereka menanggung hutang kad kredit setiap bulan. Lebih memmeranjatkan kurang daripada separuh ibu bapa mengakui mereka mempunyai bajet yang dirancang.

Walaupun kajian itu dibuat di Amerika Syarikat, ada kemungkinan senario ini boleh berlaku di Malaysia. Persoalannya, sebagai ibu bapa, berapa ramai antara kita mendidik anak sejak kecil mengenai cara menguruskan wang dengan bijak, misalnya menggalakkan mereka menabung?

Yang pasti, sesetengah ibu bapa tidak begitu terdedah dengan pengurusan kewangan ketika kecil dan setelah berkeluarga dan mempunyai anak, mereka berasa tidak begitu selesa mengenai tanggungjawab keibubapaan mengenai aspek ini.

Sebelum mendidik anak cara menguruskan wang, pastikan ibu bapa boleh mencerminkan diri mereka sebagai 'role model'. Cara berkesan mendidik anak menguruskan wang adalah melalui teladan.

- Penggunaan kad kredit mungkin menggambarkan persepsi salah iaitu kita ada akses untuk 'wang yang tiada had'. Jadi, mungkin kita patut mengurangkan penggunaan kad kredit ini supaya lebih mudah diterangkan penggunaan wang kepada anak.
- Sebelum membeli-belah, ibu bapa dan anak perlu menyenaraikan barangan ingin dibeli.
- Hakikatnya, jika ibu bapa tidak mahu anak mereka terus jumud dalam soal wang, giatkan usaha proaktif mendidik anak supaya 'celik wang'.
- Ibu bapa bertanggungjawab mendidik anak mengenai pengurusan kewangan agar mereka lebih berkeyakinan dan bertanggungjawab kemudian hari.
- Tabiat mengurus wang harus disemai sejak awal, seawal mereka tahu mengira dan tahu menggunakan wang. Seperti kata pepatah 'melentur buluh biarlah dari rebung.' Seelok-eloknya sematkan tabiat itu seawal umur 13 tahun dan usah tunggu hingga remaja, kerana mereka terlalu sibuk dengan dunia remaja.
- Ibu bapa perlu menjelaskan perbezaan elaun yang diberikan kepada anak-anak berdasarkan usia dan keperluan perbelanjaan. Pemberian elaun itu boleh mendidik mereka bagaimana menggunakan sumber kewangan secara bijak, berwaspada ketika membeli supaya sumber kewangan itu boleh digunakan untuk jangka panjang.



- Ibu bapa paling arif menentukan kaedah yang sesuai dengan kematangan anak mereka. Misalnya pada usia 11 hingga 14 tahun, ajaklah anak menyertai perbincangan mengenai bajet keluarga supaya mereka tahu ke mana wang disalurkan.
 - Pada usia 16 hingga 18 tahun pula, bantulah anak untuk menjadi lebih berdikari dengan mendapatkan mereka kad ATM. Galakkan mereka menambahkan simpanan dengan bekerja sambil terutama pada cuti persekolahan.
 - Ajar mereka cara mengendalikan rekod kewangan yang boleh memantau segala pendapatan dan perbelanjaan.
 - Jika anda melatih anak mendapatkan barangan diingini dengan menyimpan sendiri duit, maka barang itu pasti akan lebih dihargai.
 - Tonjolkan teladan baik seperti mengutip wang yang jatuh atau mengira balik wang baki yang diterima selepas membayar dan tidak terus menyumbatnya ke dalam dompet. Biarpun tindakan sebegini agak kecil, ia memberi impak besar kepada anak menilai harga wang.
 - Pastikan juga rekod kewangan disimpan dengan kemas dan susunan teratur seperti perancangan kewangan dan bajet. Dan fahami aliran perbelanjaan wang keluarga.
 - Luangkan waktu lapang secara berkualiti dengan bermain permainan seperti 'saidina' atau 'monopoly', kerana ia boleh mendidik anak memahami konsep melabur. Juga timba ilmu menguruskan kewangan melalui bahan bercetak dan internet.
- Awasi perkembangan dan kemajuan anak melalui perbincangan boleh dilakukan di rumah pada masa lapang. Terangkan aspek praktikal mengenai pengurusan wang seperti menabung berbanding berbelanja, membuat pembelian bijak memandangkan pengurusan wang bijak membantu anak-anak menetapkan matlamat hidup kelak.


Bahan Radikal Yang Terdapat Dalam Badan

Satu kemusykilan yang wujud tentang oksigen ialah kita tidak boleh hidup tanpanya, dan pada masa yang sama, oksigen adalah membahaya kepada kehidupan kita. Tekanan oksidatif merupakan satu keadaan yang antioksidan dalam badan tidak dapat menahan radikal bebas yang dijana dan adalah dipercayai ia merupakan sebab utama lebih daripada 60 jenis penyakit degeneratif dari arthritis kepada kanser, penyakit jantung, dan juga kegagalan sistem keimunan badan.

Proses yang mengakibatkan besi berkarat dan buah epal untuk bertukar warna sedang berlaku di dalam setiap sel hidup dalam badan. Secara amnya kita sedang 'berkarat' di dalam badan tanpa menyedarinya. Dengan itu, adalah penting untuk kita mengetahui dengan lebih mendalam proses ini dan cara-cara untuk melindungi diri kita daripada ancaman ini.

Radikal bebas

Dalam proses menggunakan oksigen untuk menghasilkan tenaga dalam sel, radikal bebas turut terbentuk. Radikal bebas juga dibentuk semasa anda menghidu asap, bahan kimia pencuci dalam rumah, asap rokok, dan juga meminum air yang tercemar. Bersenam, pendedahan kepada cahaya matahari, berpenyakit, kandungan gula dalam darah yang tinggi turut menyumbang kepada pembentukan radikal bebas. Menurut para penyelidik, radikal bebas boleh memusnahkan enzim, protein, lemak, molekul DNA, dan juga membran sel dan strukturnya - lantas mengubah cara sel mengekod bahan genetik. Ia juga boleh mengaktifkan sel-sel kanser dan melemahkan sistem keimunan badan. Berita yang baiknya ialah terdapat banyak cara untuk melindungi diri kita daripada ancaman radikal bebas.



Antioksidan

Badan kita mempunyai sistem pertahanan terhadap radikal bebas dikenali sebagai antioksidan. Antioksidan mempunyai abiliti untuk meneutralkan kesan radikal bebas; selagi ia mempunyai bilangan yang mencukupi untuk melindungi sel-sel persekitaran.

Badan kita juga berupaya membentuk antioksidannya sendiri, lima daripadanya adalah *Superoxide Dismutase (SOD)*, *Catalase*, *Alpha Lipoic Acid*, *Coenzyme Q10*, dan *Glutathione Peroxidase*. Walaupun antioksidan semulajadi ini amat berkesan untuk meneutralkan radikal bebas, namun masalahnya ialah kemampuan badan untuk

menghasilkan dalam bilangan yang mencukupi. Walaupun antioksidan juga boleh didapati dari sumber makanan, namun ia adalah susah untuk menahan radikal bebas yang sentiasa terbentuk dalam badan. Oleh itu, terbentuklah pasaran untuk antioksidan tambahan.

Jenis-jenis antioksidan yang wujud dan fungsinya

Beta karotena

Beta karotena merupakan antioksidan kuat yang menyerang dan meneutralkan oksigen bebas yang merupakan radikal bebas berbahaya yang boleh menjejaskan mata, kulit dan paru-paru.

Vitamin C

Vitamin C berupaya mengurangkan kerosakan radikal bebas dalam bahagian berair badan seperti plasma darah, cecair paru-paru, cecair mata, dan juga cecair antara sel. Ia juga berfungsi melindungi sistem saraf badan dari serangan radikal bebas. Fungsi lain vitamin C juga adalah ia membantu dalam penjejanaan vitamin E dalam badan.

Vitamin E

Antioksidan yang mencegah pengoksidaan lemak dalam membrane sel, dimana ia berfungsi menguatkan lapisan luar sel dari serangan radikal bebas. Kajian juga menunjukkan bahawa vitamin E membantu dalam mencegah lemak tepu daripada pengoksidaan yang membentuk plak dalam arteri.

Zat sokongan antioksidan

Zat berikut bukanlah antioksidan tetapi merupakan komponen penting enzim antioksidan badan.

Zink

Zink mempunyai ciri-ciri antioksidan yang melindungi badan dan ia diperlukan untuk mengoptimalkan keberkesanan vitamin E dan A. Ia juga merupakan bahan utama enzim antioksidan superoxide dismutase (SOD).

Selenium

Selenium merupakan mineral yang mempunyai sinergi yang mantap dengan vitamin E. Ia juga merupakan komponen penting dalam enzim antioksidan glutathione yang menukar radikal bebas hidrogen peroksida kepada air.

Kuprum dan mangan

Kedua-dua mineral ini merupakan komponen penting dalam SOD.